



ASK 2012 platform penggiat seni UPM pameran bakat



SERDANG, 26 April – Program Amal Seni Kreatif Universiti Putra Malaysia 2012 (ASK PUTRA 2012) merupakan platform bagi penggiat seni warga UPM untuk mempamerkan hasil karya kepada warga kampus dan masyarakat.

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Tai Shzee Yew berkata program yang julung kali diadakan itu memberi peluang kepada warga UPM menyertai bengkel yang dibimbing oleh fasilitator daripada UPM.

“Program ini memberi pendedahan kepada pelajar UPM serta peminat seni kreatif agar lebih celik menghargai dan mengenal kehalusan seni dan nilai-nilai abstrak khususnya dalam bidang seni kreatif menerusi kaedah pameran, jualan, demo kreatif, dan bengkel,” katanya pada majlis perasmian ASK Putra 2012 di sini.



Katanya sokongan perlu diberikan kepada staf yang mempunyai bakat serta kebolehan kerana merupakan satu nilai tambah kepada tugas hakiki yang dijalankan.

“Pada tahun ini fokus ASK Putra adalah kepada staf UPM dan seterusnya membuka penyertaan kepada orang awam untuk mengadakan pameran serta menambah aktiviti kesenian baharu dan menjemput penggiat seni luar,” katanya. Selain itu, program ini memanfaatkan pelajar untuk mempelajari ilmu kesenian bersama staf UPM dan tidak sahaja fokus pada akademik.



Program ASK Putra 2012 merupakan program Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAS) bertujuan mengkhususkan kepada bakat seni iaitu lukisan, cetakan, arca, fotografi fesyen, tekstil, landskap, reka dalaman dan lain-lain seni visual.

Pada masa kini UPM mempunyai 19 orang penggiat seni.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia